

19 OCT 1998

Gerakan-ISA

ISA HANYA PERLU DIKAJI BUKAN DIHAPUS, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hanya perlu dikaji semula daripada segi kesesuaiannya dengan keadaan keselamatan negara sekarang dan bukannya dihapuskan, kata presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Deepavali anjuran Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini, beliau berkata bahawa dalam keadaan apa sekalipun ISA perlu dikekalkan demi keselamatan negara dan kesejahteraan hidup rakyat.

"Saya akan menyuarakan pendirian parti Gerakan mengenai ISA kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan meminta beliau jangan sekali-kali berfikir untuk menghapuskan akta ini," katanya.

Rabu lepas Dr Mahathir menyatakan bahawa beliau pernah membuat cadangan supaya ISA dihapuskan tetapi polis berpendapat undang-undang itu masih perlu untuk memelihara kepentingan keselamatan negara.

Lim berkata rakyat Malaysia perlu sedar mengenai kebaikan serta sumbangan akta itu terhadap keamanan negara serta keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Menerusi ISAlah Malaysia berjaya membanteras kegiatan subversif oleh Parti Komunis Malaya serta menyelamatkan negara ini daripada dilanda kehancuran ketika rusuhan kaum tahun 1969," katanya.

Lim berharap generasi muda mengambil iktibar daripada apa yang pernah berlaku kepada negara ketika zaman darurat sekitar tahun 40an serta tragedi 13 Mei 1969 serta peranan ISA dalam menangani kedua-dua peristiwa berdarah itu.

"Generasi muda mungkin tidak pernah merasai peristiwa berdarah kerana ketika itu mereka belum lahir. Oleh itu mereka tidak seharusnya melakukan sesuatu yang menggugat keselamatan negara dengan mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran di jalan raya," katanya.

Lim berkata jika mereka hendak menyuarakan sesuatu, mereka perlu menggunakan saluran yang betul, bukan berdemonstrasi dengan membiarkan diri diperalatkan oleh sesetengah golongan berkepentingan.

-- BERNAMA

AKT MAI